

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 39 RABU 26HB. SEPTEMBER, 1973. 1393 رابو 28 شعبان PERCHUMA

Pmk. SUK akan merasmikan Mashuarat Pertama Majlis Pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan merasmikan Mashuarat Pertama Majlis Pelajaran Negeri Brunei yang akan berlangsung di-Dewan Bahasa dan Pustaka esok, 27hb. September.

Majlis Pelajaran Negeri Brunei itu ada-lah mengandungi 10 orang ahli dan di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

Ahli2 dalam majlis itu ialah Pengarah Pelajaran, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pesuruhjaya Buroh, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Paduka P.A. Coates.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Talib bin Derwish, Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Mohamed Taib, Yang Mulia Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas.

Setia Usaha bagi majlis itu ialah Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan.

Di-buka utk. lawatan

UNTOK memberi peluang kepada orang ramai, Pameran Muzium Brunei dan Muzium Peringatan Churchill akan di-buka pada hari kelepasan awam kerana memperingati Hari Perlembagaan pada hari Isnin 1hb. Oktober. Pameran itu akan di-tutup pada hari Selasa 2hb. Oktober.



Kedua2 gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan sedang menyampaikan oskar kejohanan kepada johan qari, Awang Haji Mashud bin Awang Damit dan johan qari'ah, Hajjah Dayang Damit binte Mohd. Yusof. Gambar2 JHEU/BP.

\$100,000.00 UNTOK PROJEK PENANAMAN PADI CHARA BESAR2AN

BANDAR SERI BEIAWAN. — Kerajaan telah meluluskan satu peruntukan wang berjumlah \$100,000.00 untuk membuka satu projek penanaman padi sa-chara besaran2 di-negeri ini.

Di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru, projek penanaman padi sa-chara besaran2 itu sebahagian-nya telah di-usahkan sekarang yang menentukan langkah2 seterusnya untuk menampung bekalan2 beras yang cukup bagi keperluan rakyat dan penduduk Brunei.

Ini telah di-terangkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, semasa beliau merasmikan majlis pertandingan membaca Quran Peringkat Negeri, di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada malam Ahad yang lalu.

Yang Berhormat itu menjelaskan, perekonomian negara di-bawah ranchangan itu, sebahagian besar-nya merupakan satu cabaran terhadap kebolehan dan kemampuan rakyat dan penduduk Brunei, untuk berusaha bagi memikul-nya.

Kearah ini-lah, kerajaan akan terus memberi galakkan kepada kaum tani dengan memberikan perkhidmatan2 teknikal dan menjual baja2 yang murah kepada kaum tani, supaya hasil2 yang di-usahkan benar2 berjaya dan mendatangkan hasil yang di-perlukan.

(Lihat muka 8)

MATALAMAT PEMBANGUNAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kerajaan telah membuka peluang dalam berbagai bentuk kegiatan ekonomi yang mesti di-rebut oleh masyarakat Islam di-Brunei berdasarkan keupayaan mereka sendiri.

Dengan demikian Kerajaan juga telah menyediakan satu matalamat pembangunan antara-nya bertujuan bagi menyediakan peluang2 untuk rakyat dan penduduk negeri yang ikut serta dalam kegiatan2 ekonomi yang tidak menghiraukan rupa bangsa dan asal usul supaya ekonomi negara tidak akan menjadi monopoli bagi satu golongan saja.

Penjelasan yang berupa dasar Kerajaan dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru itu telah di-huraikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin semasa beliau memberi ucapan di-Pertandingan Membaca Kitab Suchi Al-Quran Peringkat Negeri di-Mesjid Omar Ali Saifuddin malam Ahad lepas.

Ketika menyentuh mengenai pembangunan dan keadaan yang ada hubungan-nya

dengan keagamaan dan kerohanian, Yang Berhormat itu menjelaskan, keteguhan beragama dan kekuatan rohani ada-lah menjadi asas kepada pembangunan negara.

Menurut-nya, pembangunan yang hanya mementingkan kebendaan tanpa di-sukong oleh pembangunan dari segi keagamaan dan kerohanian, maka pembangunan itu akan merupakan pembangunan yang tidak kukuh dan pinchang.

Demikian juga pembangunan yang mengabaikan kemajuan dari segi kebendaan, maka pembangunan itu tidak ber-

(Lihat Muka 8)



Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz pada hari Selasa minggu lalu telah melawat ka-pusat2 pertanian Kilanas dan Birau untuk meninjau perkembangan di-pusat2 itu.

Sa-panjang lawatan itu, Yang Berhormat telah di-iringi oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroffe, Pmk. Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Hamid Jaafar dan Pmk. Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Awang Salleh bin Hidup.

Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Pmk. Setia Usaha Kerajaan (no. 2 dari kiri) sedang mendengar penerangan Pengarah Pertanian (kiri sekali) mengenai dengan padi tugal yang di-tanam sa-chara perclubaan di-pusat pertanian Birau. Benih2 tersebut di-terima dari Pusat Penyelidikan Padi Antarabangsa di-Manila, manakala gambar bawah menunjukkan Yang Berhormat itu ketika di-beri penerangan mengenai dengan jenis jagong yang di-tanam di-pusat pertanian Birau. Jagong tersebut ada-lah sesuai untuk makanan binatang ternakan seperti ayam.



Pepereksaan B-Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu akan di-dadakan di-Bandar Seri Begawan dan Seria dari 1hb. hingga 4hb. Disember tahun ini.

Pepereksaan bagi darjah dua, empat, enam dan tingkatan dua akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak bagi chalun2 di-Bandar Seri Begawan, sementara chalun2 di-Seria akan mengambil pepereksaan itu di-Sekolah Melayu Muhamed Alam, Seria.

Chalun2 mesti-lah terdiri dari penuntut2 bukan Melayu yang belajar di-kelas2 pelajaran dewasa dengan mempunyai kedadatangan yang memuaskan.

Lain2 penuntut bukan Melayu juga di-bolehkan mengambil pepereksaan tersebut, dengan syarat mereka mesti-lah terlebih dahulu mendapat kebenaran khas dari Penyusun Pelajaran Dewasa di-Ja-

batan Pelajaran Bandar Seri Begawan.

Chalun2 hendak-lah menghantarkan permohonan mereka melalui guru2 mereka yang kelak di-perlukan memberikan sukongan.

Bayaran memasoki pepereksaan itu bagi tiap2 chalun di-kenakan sa-banyak \$2.00.

Mata2 pelajaran pepereksaan bagi darjah dua dan empat ia-lah bacaan dan renchana rumi, lisan, bahasa Melayu, karangan dan menulis surat.

Sementara mata2 pelajaran pepereksaan bagi darjah enam dan tingkatan dua ia-lah renchana dan bacaan jawi, lisan, bahasa Melayu, karangan dan menulis surat,

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Wakil Brunei ka-Sidang Pelanchongan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengawal Imigrasi, Awang Yaakob bin Ahmad telah berlepas ka-Bangkok pada minggu lalu untuk mewakili Brunei dalam sidang pertama Jawatankuasa Kecil bagi Pelanchongan dan

Kemudahan2 Lalu Lintas Antara Bangsa.

Sidang itu di-adakan hari 24hb. September hingga 1hb. Oktober ini atas anjoran Pertubuhan Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh atau ECAFE.

Jawatankuasa itu akan membincangkan perkara2 yang khusus mengenai pelanchongan dan kemudahan2 lalu lintas di-negara2 wilayah ECAFE di-mana Brunei menjadi ahli bersekutu dalam pertubuhan itu.

Sa-orang juruchakap kerajaan menegaskan, Brunei menganggap berfaedah untuk menghantar wakil-nya dalam sidang itu memandangkan kapada hasrat untuk menjadikan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang di-gemari untuk kunjungan pelanchong2.

Melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Dua orang lagi penuntut Brunei telah berlepas ka-United Kingdom minggu lalu untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Awang Nelson Chong Choo Tuan telah bertolak pada 20hb. September untuk menjalani kursus perguruan selama tiga tahun di-Worcester College, England.

Awang Asmadi bin Ali Mustapha dari Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara telah berlepas ka-United Kingdom pada 21hb. September lepas untuk menghadiri kursus pertukangan lanjutan sa-lama dua tahun di-Vauxhall School of Building, London. Beliau ada-lah penuntut Brunei yang pertama kali mengambil kursus tersebut di-sebarang laut.

Terdahulu pada itu, Awang Asmadi telah lulus dari City dan Guild Institute, London.

Pada 15hb. September, dua orang pegawai dari Jabatan Pelajaran telah bertolak ka-United Kingdom untuk mengambil kursus diploma perguruan sa-lama sa-tahun di-University of Newcastle Upon-Type.

Mereka ia-lah Awang Mohamed Alimin bin Abdul Wahab dan Awang Dennis Teo Yong Long.

Lumba kereta

KUALA BELAIT. — Kelab Automobile Brunei akan mengadakan lumba kereta merentas pantai (beach cross) di-pantai Kuala Belait pada hari Ahad 30hb. September.

Perlumbaan tersebut akan dimulakan pada jam 100 petang. Orang ramai ada-lah di-persilakan menyaksikan perlumbaan tersebut.

PENGERUSI dan ahli2 jawatankuasa Peraduan Seni Lukis Kebangsaan Brunei Pertama 1973 telah menghadiahkan sa-buah lukisan kapada Muzium Brunei sa-bagai chendermata kenangan dari jawatankuasa tersebut.

Potret Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan itu di-lukis oleh Pengerusi Jawatankuasa itu, Awang Salleh bin Ibrahim.

Awang Hassan bin Haji Timbang, Penolong Kurator Rendah telah menerima lukisan tersebut bagi pekah Muzium Brunei dalam satu majlis penyampaian di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka baru2 ini.

Gambar bawah menunjukkan lukisan yang di-hadiahkan itu sam-bil di-perhatikan oleh Awang Hassan (bertali leher); Awang Salleh Ibrahim; Ak. Hashim dan Awang Abd. Wahid Hussein, Setia Usaha Peraduan (kiri sekali).



SABAR SATU SENJATA YANG PERLU PADA ORANG2 ISLAM

MEMELOK Ugama Islam atau masok Ugama Islam itu mudah, tidak ada kesulitan-nya dan dapat di-lakukan oleh sa-siapa saja yang tidak gila. Tetapi mengerjakan peratoran2 Islam itu tidak semua orang dapat melakukannya-melaainkan kalau ada kesabaran dan tawakal atau penyerahan diri sepenoh-nya kepada Allah Subhanahu-Wataala.

Berapa ramai orang Islam yang hanya mengaku diri-nya Islam, atau menjadi orang Islam kerana ibubapa-nya orang Islam, sedangkan banyak surohan2 Islam tidak di-kerjakan-nya. Berapa ramai orang Islam yang hanya menampakkan keIslaman-nya di-waktu2 majlis2 perkahwinan, majlis2 membacha tahlil dan majlis kenduri aruah, sedangkan datang ka-mesjid bersembahyang Jumaat langsung tidak nampak batang hidong-nya.

Sebenar-nya tawakal kepada Allah itu amat berat dirasakan oleh hawa nafsu, bagitu juga sabar menghadapi ujian dan godaan. Maka sabar dan tawakal itu ada-lah suatu senjata yang perlu pada tiap2 orang Islam dalam menjalankan perintah2 Allah dan menolok perbuatan yang di-larang dalam ugama-nya. Orang yang benar2 beriman kepada Allah, sabar dan tawakal kepada-nya dalam mengerjakan perintah2 tidak-lah dapat di-ganggu dan di-perdayakan oleh shaitan dan kaitangan-nya. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Sesungguh-nya shaitan tidak memperchayaai kekusaaan atas orang2 yang beriman dan menyerahkan diri kepada Allah".

Jadi shaitan itu hanya dapat memperdayakan orang2 yang tidak beriman dan tidak menyerahkan diri kepada Allah. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Hanya kekuasaan shaitan itu atas orang2 yang menurutkan godaan serta pujokkan-nya dan orang2 yang menyekutukan Allah".

Janji atau rasa hendak melakukan kebaikan, hendak memberi sedekah, menderma untuk mesjid, menderma untuk mangsa2 kebakaran dan lain2 amal kebajikan dapat dirosakan oleh kerana menurut godaan dan pujokan shaitan. Shaitan membisikan ka-dalam hati orang2 yang hendak

mengorbankan harta-nya pada perkara2 kebajikan itu bahuwa nanti harta-nya habis dan susah mendapat ganti-nya dan lain2 bisikan lagi, sa-hingga ia menjadi ragu2, iman-nya goyang dan akhir-nya tidak jadi mengorbankan harta untuk kebajikan pada hal Allah telah berjanji akan memberi ganjaran yang berlipat ganda kepada-nya di-akhirat nanti dan akan menggantikan harta yang di-korbankan itu dengan nikmat dan rahmat-nya di-dalam hidup-nya.

Demikian-lah kalau pemelok Ugama tidak berhati sabar dan tidak bertawakal kepada Allah, mudah di-tipu dan mudah di-gelincirkan iman-nya oleh iblis dan shaitan.

Maka waktu mengeluarkan harta untuk keperluan ugama hendak-lah kita yakin bahawa apa yang ada pada sisi Allah lebih banyak, lebih baik dan lebih kekal daripada apa yang kita mileki dan Allah tidak pernah mungkir janji tetapi shaitan memang berdosta dan mungkir janji.

Dan lagi untuk memelihara iman, hendak-lah kita tawakal dan menyerahkan kepada Allah, serta berhati sabar dalam menghadapi segala macham chobaan dan godaan kerana dengan itu-lah dapat kita kerjakan perintah2 ugama kita.

Mudah2an Allah tegohkan iman kita dan di-kurniakan-nya kepada kita kesabaran dan tawakal dalam menjalankan perintah-nya dan menjauhkan larangan-nya semoga kita selamat hidup di-dunia dan akhirat — Amin ya rabal alamin.



AWANG Ismail Opak (berdiri No. 2 dari kanan) ada-lah salah sa-orang dari dua orang Pegawai Bimbingan Jabatan Pelajaran yang sekarang sedang mengikuti kursus Pengajian Pengajaran Bahasa Inggeris di-pusat pengajian tinggi di-Singapura.

Awang Ismail telah di-pilih sebagai Setia Usaha Badan Penuntut Antara Bangsa Asia bagi tahun 1973 yang di-anggotai oleh 9 orang penuntut dari 12 buah negara di-Asia yang menghadhiri kursus tersebut.

Pusat Pengajian Tinggi itu ialah Southeast Asian Ministers of Education Organization, Regional English Language Centre ia-itu salah satu dari chabagan UNSECO

di-rantau Asia. Pengarah-nya ada lah sa-orang wanita.

Ini ada-lah pertama kali-nya Brunei menghantar pegawai-nya ka-pusat ini sejak ia-nya di-tubuhkan dalam tahun 1958.

Gambar atas menunjukkan bandan penuntut SEAMCO RELC (duduk dari kiri) Mrs. Rebecca D. Alcantara (Filipina); Nrs. Pablo (Filipina); Mrs. Tai Yu Lin (Pengarah Pusat tersebut); Mr. Tan Teng Wai (Pegawai Pendaftaran); Mrs. Chia dan Miss Paulina Baruch kedua2-nya dari Singapura.

Berdiri dari kiri: Mr. P. Leong, Mr. Lee, Mr. Chia ketiga2-nya dari Singapura; Ismail Opak (Brunei) dan Mr. C. Lee juga dari Singapura.

Johan bahath kawasan Brunei Satu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Melayu Puser Ulak telah munchol sa-bagai johan dalam Peraduan Bahath antara sekolah2 rendah bagi kawasan Brunei Satu yang telah di-adakan di-dewan sekolah itu pada minggu lalu.

Sekolah Melayu Puser Ulak mendapat 182 mata, naib johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Kampong Setia dengan mendapat 128 mata.

Peserta terbaik di-menangi oleh Awang Ramli bin Bujang dari Sekolah Melayu Puser Ulak dengan mendapat 78 mata.

Johan bahagian perempuan juga di-menangi oleh Sekolah Melayu Puser Ulak dengan mendapat 141 mata, naib johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Kampong Setia dengan mendapat 121 mata dan peserta terbaik di-menangi oleh Dayang Siti Fatimah binte Mo-

hammad Yusof dari Sekolah Melayu Puser Ulak dengan mendapat 54 mata.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Mohammad Yusof bin Tahir.

Dengan kemenangan itu Sekolah Melayu Puser Ulak akan mewakili sekolah2 rendah Melayu Kawasan Brunei Satu ka-peraduan peringkat Daerah yang akan di-adakan pada 6hb. Disember di-sekolah Melayu Gadong.

Dalam peraduan itu, Sekolah Melayu Puser Ulak bahagian lelaki akan menemui Sekolah Melayu Amar Pahlawan dan Sekolah Melayu Puser Ulak bahagian perempuan akan menemui Sekolah Melayu Anggerek Desa Berakas.

Peraduan melukis sampul surat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Besar Pos berchadang akan mengeluarkan sampul surat hari pertama dan pengeluaran setem khas sempena memperingati perkahwinan Yang Teramat Mulia Princess Anne dalam bulan Nobember depan.

Ketua Pos Agong, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan menyeru kepada semua pelukis2 tempatan supaya mengemukakan chontoh2 kasar sampul surat hari pertama yang di-chadangkan.

Chontoh2 sampul surat yang terbaik akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak \$50.00.

Semua lukisan2 mereka hendaklah di-hantar kepada Ketua Pos Agong, Pejabat Besar Pos Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 2hb. Oktober, 1973.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26hb. September, hingga ka-hari Selasa 2hb. Oktober, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
26hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51 6-08
27hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51 6-08
28hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51 6-08
29hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51 6-08
30hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51 6-08
1hb. Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50 60-7
2hb. Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50 6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(26hb. September, 1973).

JASA YANG DI-KENANG

TAHUN 50han merupakan satu zaman permulaan dalam sejarah perkembangan dan kemajuan Brunei yang di-asaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang menaiki takhta Kerajaan Brunei dalam bulan Jun, 1950.

Sa-lama 17 tahun pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia itu dan di-saat2 zaman kememasan itu telah membawa rayat-nya menikmati suasana hidup yang lebih sempurna dan bahagia di-mana keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rayat dan negara ada-lah merupakan hasrat dan chita2 terpenting D.Y.T.M. itu dan dengan izin Allah hingga ka-hari ini dan zaman2 seterusnya ia-nya akan terus di-nikmati.

Di-zaman awal kenangan pada tahun2 awal pemerintahan-nya rancangan pertama pembangunan negara telah dilaksanakan di-antara-nya membina semula Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) sa-bagai sa-buah bandar yang teratordan moden yang dulu-nya bandar itu habis musnah akibat serangan bom oleh Tentera Besekutu semasa menghalau tentera Jepun yang telah menakluki negeri ini dalam tahun 1944.

Dalam tahun2 berikut-nya, bangunan2 bentuk moden terus di-bina, jalan2 raya, perhubungan, pengangkutan, peningkatan taraf pelajaran dan kesihatan, bekalan elektrik dan ayer dan banyak lagi bidang2 kemajuan berjalan lancar menurut rancangan.

Dengan termaktub-nya Perlembagaan, 1959 satu lagi kemajuan Brunei telah tercipta yang meletakkan negeri ini kataraf bekerajaan sendiri dalam negeri.

Duli Yang Teramat Mulia sa-lain daripada menumpukan perhatian sepenoh-nya terhadap untong nasib rayat, Duli Yang Teramat Mulia itu juga mengambil berat tentang perkembangan Agama Islam dalam mana sa-buah Mesjid yang indah terletak di-tengah2 ibu kota melambangkan perkembangan Agama Islam di-Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia di-akhir pemerintahannya telah di-kenali oleh negara2 lain sa-bagai akitek Brunei moden ia-itu pengasas kemajuan dan pembangunan Brunei Darusalam.

Pada hari Ahad 23hb. September baru lalu ada-lah merupakan hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia itu dalam mana di-saat2 hari gemilang itu seluruh rayat dan penduduk Brunei harus merenong sa-jenak dan mengenang kembali jasa2-nya yang pernah di-nikmati oleh rayat.

Berthabit dengan perkara itu, Yang Berhormat Pemangku S.U.K. ketika merasmikan pertandingan membaca kitab suci Al-Quran baru2 ini, ingin menarek perhatian kepada seluruh rayat dan penduduk Brunei supaya sama2 berdo'a agar usia Duli Yang Teramat Mulia itu di-lanjutkan Allah dan sentiasa dalam keadaan sehat sejahtera, amin.

ALHAMDULILLAH. saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta dengan menghulukan salam dan salawat bagi Nabi Besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sa-habat2 dan keluarga-nya yang ta'at lagi setia. Pada majlis yang diberkati ini saya mengucapkan berbilang banyak terima kasih dan penghargaan melalui Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama kepada seluruh kaki-tangan Peraduan Membaca Al-Qur'an ini yang telah sudi menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan majlis ini pada malam ini dan kepada para hadirin dan hadirat yang di-hormati sekalian — Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Dalam majlis yang suci ini berpandukan kepada salah satu perkara yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Qur'an, saya suka menarek perhatian rayat dan penduduk negeri ini berhubung dengan sikap yang perlu wujud dikalangan umat Islam bahawa Islam sama sekali tidak mengendaki pengikut2-nya lemah dalam menghadapi satu2 masa'alah baik mengenai dengan masa'alah2 hidup sa-hari2 mau pun tentang masa'alah2 kenegaraan. Umat Islam di-kehendaki dan di-perlukan tabah dan chekal dalam mengharungi liku2 hidup yang mencha-bar. Perkara2 yang timbul terutama yang sensitif sifat-nya hendak-lah dan seharusnya di-hadapi dengan tenang tetapi penoh dengan usaha2 demi mengelakkan tindakan2 yang tidak kena pada tempat-nya. Kerana itu rukun iman memegang peranan yang penting dalam menyempurnakan mental masyarakat. Dalam rukun iman antara-nya menyuruh kita percaya bahawa burok dan baik itu ada-lah di-datangkan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam pada itu kita di-suruh dan di-perlukan mengelakkan perkara2 yang tidak baik seperti umpat-mengumpat, keji-mengkeji, fitnah-memfitnah, menyebarkan khabar2 yang tidak berasas dan seterusnya mengelakkan serta menjauhkan diri kita dari apa yang di-tegah oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kenaikan harga beras di-negeri ini saya yakin ada-lah menjadi satu issue yang masih belum putus lagi dari menjadi perbualan kita. Sa-belum kenaikan itu terjadi kita merasa gementar apabila mendengar khabar2 yang tidak berasas yang konon-nya mengatakan Negeri Brunei telah kehabisan beras dan sumber2 luar negeri tidak lagi membekalkan beras kepada kita. Berhubung dengan perkara ini maka saya suka menegaskan dalam majlis yang suci dan di-redzai Tuhan ini bahawa insha Allah dan dengan usaha suci Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kemungkinan negeri ini kehabisan beras adalah satu perkara yang tipis. Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara pernah meyakinkan rayat dan penduduk negeri ini bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengutamakan kepentingan rayat-nya bukan sahaja dalam soal pembekalan permaknaan rayat seperti beras ini bahkan dalam semua bidang perkembangan dan kemajuan yang boleh membawa keabjahan.

Berhubungan dengan perkara beras ini pula Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah melaksanakan ikhtiar2 untuk mendapatkan lebih banyak lagi bekalan beras yang mencukupi dan mendapatkan harga yang berpatutan. Insha Allah dengan berkat perpaduan suci rayat dan penduduk Negeri ini dan dengan kebijaksanaan Kerajaan Baginda, pembekalan beras

PROJEK PENANAMAN PADI KAUM TANI DI-GESA LEBEHKAN USAHA

UCHAPAN penoh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Pertandingan Membaca Quran Peringkat Negeri yang telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada 22hb. September yang lalu.

bagi satu jangka waktu yang tidak di-khuatirkan akan dapat terjamin.

Mengenai dengan harga beras, kita sama2 menyedari atau kita harus sedar bahawa pembekalan itu masih lagi atau sa-bahagian besar-nya bergantung kepada sumber2 dari luar negeri. Ada-lah lojik harga2 itu tertaklok kepada faktor2 seperti keadaan2 di-negara sumber itu, keadaan perkapalan dan seumpama-nya yang bukan dibawah kawalan kita. Maka harga itu seharusnya-lah tertaklok kepada apa yang lazim di-katakan sa-bagai harga pasaran yang mana kadang2 kita sedari tidak saimbang dengan sara hidup di-negeri ini dan ada kala-nya pula sa-bagaimana yang kita sama2 nikmati pada masa yang sudah2 lebih rendah daripada sara hidup di-negeri ini. Selanjut-nya saya masih percaya dan yakin bahawa kalau kita di-negeri ini benar2 mahu kan harga beras saimbang dengan rayat dan penduduk negesa-tiap hari maka jalan yang paling efektif ka-araf itu ia-lah kesanggupan kita sendiri ya'ni tenaga rayat dan penduduk negeri ini mengeluarkan barang2 yang kita perlukan itu. Menuju ka-araf ini-lah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkali2 dan tidak "sangkal" sa-hingga sekarang menyeru kepada rayat dan penduduk Negeri ini untuk mencheborkan diri pada menggalakkan usaha berchuchok tanam istimewa berpadi.

Di-bawah Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun Yang Baharu, insha Allah, hal ehwal berchuchok tanam terutama sekali usaha pada membanyakkan lagi kawasan2 untuk berpadi dan menambah hasil berpadi itu ada-lah satu2 perkara yang akan mendapat keutamaan. Perkara seperti ini bersama2 dengan gerakan2 lapangan perekonomian negara di-bawah Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baharu itu pada sa-bilangan besar-nya ada-lah merupakan chabaran terhadap kebolehan dan kemampuan rayat serta penduduk negeri ini pada memikul-nya. Tetapi saya yakin bahawa dari kepahayan2 yang sudah2 harus menjadi pengajaran kepada kita dan patut menimbulkan semangat pembangunan yang dinamik dalam serba serbi. Kita semua harus sedar sekarang bahawa sebarang harapan penoh terhadap keperluan kita sa-tiap hari kepada sumber2 luar Negeri ada-lah satu paksaan bagi kita pada menaklukkan kehidupan kita sa-chara langsung kepada keadaan negara2 yang berkaitan itu. Dari itu kita harus sama2 merealisasikan sa-chara serious perkara ini dan sama2 bertenaga pada menyedikitkan sandaran kita terhadap sumber2 luar negeri itu. Dalam erti kata lain chara2 mengatasi-nya ada-lah tergantung kepada tenaga rayat yang benar2 sedar, yang mahu berusaha dalam mencheborkan diri dalam usaha2 berchuchok tanam istimewa penanaman padi. Ka-araf ini, insha Allah, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan terus menerus memberikan galakan2 seperti perhid-

matan2 teknikal, baja2 yang murah harga-nya dan lain2 yang munasabah dan selanjut-nya mulai dari sekarang harga padi yang biasa di-beli oleh Kerajaan melalui Jabatan Setor dan Perbekalan Negara yang berharga 80 sen sangatang itu di-naikkan kepada \$1.20 sa-gantang.

Selanjut-nya untuk membolehkan Kerajaan melalui Jabatan Pertanian-nya sa-jumlah wang \$100,000.00 baharu2 ini bagi tahun ini telah di-luluskan supaya satu projek penanaman padi dapat di-laksanakan dengan serta merta yang mana hasil2 projek itu akan menentukan langkah seterusnya pada menuju ka-araf penanaman padi sa-chara besar2an untuk menemui keperluan rayat dan penduduk negeri ini dalam bidang pembekalan beras-nya. Dalam pada itu peranan kaum2 tani atau mereka2 yang melibatkan diri mereka dalam penanaman padi tidak kurang penting-nya malahan lebih2 lagi diperlukan supaya lebih luas lagi tanah akan dapat di-gunakan bagi faedah2 penanaman ini dan lebih banyak lagi kaum2 tani atau mereka yang melibatkan diri mereka dalam penanaman padi pada tahun ini akan mengambil kesempatan atau menggunakan perkhidmatan2 yang sentiasa sedia di-berikan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian-nya. Kejayaan pada menemui keperluan kita keseluruhannya dalam perkara ini ada-lah kejayaan kita bersama; dan bersempena majlis yang suci ini kita berharap dan berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala sambil menumpukan tenaga dan niat serta usaha yang baik mudah-mudahan kita tidak akan menemui kegagalan2 yang menghampakan harapan kita bersama.

Dengan itu saya dengan sukacita mengucapkan tahniah kepada peserta2 peraduan bacaan Al-Qur'an pada malam ini atas kejayaan mereka sampai kepada peringkat negara dan berharap serta berdo'a sukt kejayaan yang baik ini akan terus menerus menjadi lambang bagi kemajuan2 kita dalam semua aspek kehidupan yang berkebakikan sa-bagaimana yang sentiasa di-usahakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Akhir-nya berkebetulan pada malam suci ini ia-lah juga malam Hari Puja Usia Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, saya percaya Awang2 dan Dayang2 serta rayat dan penduduk negeri ini dari seluruh pelusok tanah ayer ingin dan sudi menyertai saya pada memohon dan berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan di-lanjutkan usia Duli Yang Teramat Mulia itu dalam keadaan yang sehat wal'afiat, sa-jahtera aman dan sentosa serta seterusnya di-berikan taufik dan hidayah untuk kebajikan seluruh masyarakat jua, amin.

Sekian, wallillahi taufik wal-hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Pesurohjaya Pulis hadhiri Persidangan INTERPOL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah berlepas ka-London pada hari Ahad lepas dalam perjalanan-nya ka-Vienna, Austria untuk menghadiri Sidang Perhimpunan Agong INTERPOL kali yang ke-42 yang bermula 2hb. Oktober depan.

Sa-masa berada di-London, Yang Amat Mulia itu akan melawat pegawai2 pulis yang sedang menghadiri beberapa kursus di-United Kingdom.

Dalam persidangan itu beberapa perkara yang menarik ada-lah terkandung dalam agenda sidang tersebut. Sa-lain dari tugas2 umum pulis saperti kuasa dan kewajipan untuk menjalankan gerakan menchari dan merampas harta benda serta chara2 yang digunakan dalam langkah menchegeh jenayah. Perkara pengedaran dan penggunaan drug yang dilarang juga akan di-bincangkan dengan pandangan khas di-tumpukan kepada kemungkinan di-berikan bantuan untuk melateh pegawai2 pulis dalam menguatkuasakan undang2 madat dan kuasa2 dan sikap pulis terhadap pemuda2 yang menggunakan madat.

Masaalah keselamatan penerbangan juga ada-lah satu perkara yang akan di-bincangkan dalam sidang itu.

Sidang yang akan di-hadhiri oleh wakil2 dari pasokan pulis seluroh dunia itu akan berakhir pada 9hb. Oktober.

Sa-telah menghadiri sidang tersebut, Yang Amat Mulia akan berlepas ka-Sri Lanka dan berada di-sana sa-lama beberapa hari untuk mengadakan pertemuan dengan pegawai2 kanan pulis bagi membincangkan perkara2 mengenai kegiatan pulis bagi kepentingan bersama. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja di-jadualkan balek ka-tanah ayer pada 17hb. Oktober.



Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya.

Berchuchok tanam memberi hasil yang lumaian

KILANAS. — Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri telah menyeru raayat, terutamanya kaum peladang dan belia di-negeri ini, supaya membuka ladang2 dan sawah2 untuk keperluan mereka dan negara.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohamed Saleh membuat seruan itu sa-belum merasmikan pertunjukkan pertanian kali ke-2 bagi Daerah Brunei-Muara. Pertunjukan itu di-adakan di-Steshen Pertanian Kilanas pada hari Ahad lepas sempena menyambut hari puja usia kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau juga membuat seruan, khas-nya kepada belia2 yang tidak mempunyai pekerjaan supaya mengubah sikap mereka kepada berchuchok ta-

nam yang benar2 memberi hasil yang lumaian.

Menyentuh tentang seluroh persatuan2 peladang di-negeri ini, Yang Berhormat itu menekankan, supaya ahli2 persatuan itu bergerak dan berusaha lebih giat lagi dengan mengambil peluang yang diberikan oleh Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan melalui Jabatan Pertanian yang sekarang membuat ranchangan2 yang pesat, untuk kebaikan raayat dan negara.

Yang Berhormat Pesurohjaya Kebajikan itu menerangkan memandang kepada keperluan dan kepentingan hasil berchuchok tanam untuk semua lapisan masharakat, maka kerajaan ada-lah senentiasa bersedia memberi dan menumpukan perhatian yang tinggi kepada Jabatan Pertanian, yang berusaha dan meran-

(Lihat muka 8)

Lagi derma utk Tabong Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari \$2,500 telah di-terima dari sumbangan orang ramai untuk Tabong Pembinaan Stadium sepanjang minggu lalu.

Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping chek bernilai \$1,275.48 dari Pengetua Sekolah Persediaan Ingeris, Bandar Seri Begawan, Awg. Kassim bin Adis.

Wang tersebut ia-lah dari hasil usaha yang di-jalankan oleh Sekolah Persediaan Ingeris Angegreka Desa semasa mengadakan temasha berjalan kaki baru2 ini.

Tatkala menerima chek tersebut, Yang Berhormat itu telah mengucapkan terima kasih dan memberikan sa-tinggi2 penghargaan atas usaha dan inisiatif yang telah di-jalankan oleh guru2 sekolah itu yang mana telah menunjukkan semangat ta'at setia kepada kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjunjung titah Baginda bagi sama2 melaksanakan pembinaan stadium dan Y.B. mengharapakan supaya langkah baik itu akan terus menerus di-lakukan oleh raayat dan penduduk negeri ini.

Sa-keping chek bernilai \$500.00 telah di-terima oleh Yang Berhormat itu dari tuan punya Lion Resturan. Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Jimmy Lo.

Di-Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar selaku Pengerusi J/K Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong telah menerima \$746.10 dari Sekolah Chong Hwa Kiudang.

Wang tersebut di-perolehi dari Tabong sekolah itu yang di-potong sa-banyak 15 peratus untuk di-dermakan kepada tabong pembinaan stadium.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Pengerusi sekolah itu, Awang Teo Hui Ming.

Sementara Pengerusi Pembinaan Stadium Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah menerima \$72.00 dari penduduk2 Kampung Sungai Liang. Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Ketua Kampung, Awang Mohammad Isa bin Abdullah.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri ketika menyaksikan sa-bahagian dari jenis2 sayor2an yang telah di-pertunjukkan sa-telah Yang Berhormat itu merasmikan Pertunjukkan Pertanian kali yang ke-2 bagi Daerah Brunei Muara.



GAMBAR atas menunjukkan Pesurohjaya Kebajikan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg. Saleh bin Haji Masri sedang menerima wang tunai sa-banyak \$200.00 untuk derma mangsa2 kebakaran Kampung Setia Pahlawan. Kampung Ayer dari Persatuan PERTIWI.

Wang tersebut di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua persatuan itu,

Datin Masnah, isteri Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan telah di-saksikan oleh Penolong Bendahari, Datin Tinah dan Setia Usaha Sukaduka, Da-yang Zaharah binte Sulong.

Derma tersebut di-kutip dari ahli2 jawatankuasa Persatuan PERTIWI sa-bagai simpati mereka untuk menolong meringankan beban penderitaan mangsa2 kebakaran di-Kampung Ayer itu.

PENDAHULUAN

SA-BELUM saya meneruskan kertas saya ini saya mengulas dan memberi makna pada perkataan "belia", "masyarakat" dan "Pembangunan".

Masyarakat pada himat saya ada-lah di-sifatkan sebagai sa-kelompok manusia yang mempunyai ideologi, chara hidup yang sama. Ia-nya hidup tumbuh dan mati. Apa yang di-pandang dan anggap sesuai dan betul dahulu-nya, sekarang ini masyarakat Melayu memandang sepi sikap bergotong-ro-yong. Proses urbanisasi telah mengurangkan perasaan berse-kampong dan perasaan berjiran. Apa yang terjadi di-ke-ada-an bandar2 ia-lah sahabat karib atau sa-permainan bukan-lah jiran tetapi orang2 tinggal di-pek-an atau di-kawasan2 yang lain, per-sahabatan di-semat dengan per-samaan idea, kegemaran dan bu-kan faktor ilmu alam. Jadi ma-sharakat yang hidup, tumbuh, berubah ia-lah Masyarakat Mela-yu. Dalam kertas ini masyarakat yang hendak di-bangun bukan-lah semata2 masyarakat Melayu tetapi Masyarakat Brunei yang mana orang2 bukan Melayu dan bukan beragama Islam di-anggap penting dalam penyertaan dan perkem-bangan negara kita.

Maksud pembangunan pula ia-lah saya ertikan sa-bagai penye-suaian chara2 hidup, mentaliti dan idea yang simple seperti cha-ra2 bertani dan menangkap ikan sekarang ka-arrah chara2 hidup, mentaliti dan idea yang lebih kom-pleks dan sesuai dengan perkem-bangan dan kepesatan perindus-trian sa-sebuah masyarakat itu.

Jadi "belia ia-lah sa-golongan ahli masyarakat itu sama ada ma-seh bersekolah, berhenti sekolah atau baru berkerja yang mana fa-haman dan pegangan mereka ma-seh dalam bentuk tanda-nya dan masah dalam proses pemetrian menjadi sa-bati.

Di-bawah ini saya perturunkan perangkaan jumlah golongan belia yang pada masa ini masah dalam bangku sekolah.

Di-Sekolah2 Rendah: 30,652 orang

Di-Sekolah2 Menengah: 12,127 orang

Jumlah: 42,779 orang

(sumber: Bahagian Perangkaan, Jabatan Pelajaran).

Jika penduduk Brunei di-kira 150,000 orang, ini bererti kurang lebih 35% penduduk negeri ini masah bersekolah dan belum pro-dukif dalam bidang ekonomi. Perangkaan di-atas belum di-ma-sukkan lagi mereka yang pada ma-sa ini menganggor, chachat, belum dapat bersekolah atau yang terchi-r dan yang sudah berkerja te-tapi di-bawah lingkungan 21 ta-hun.

Ini bererti sa-bilangan besar penduduk negeri ini ia-lah pendu-dok yang masah belia, dan ini bererti juga penyertaan mereka dan ranchangan bagi tujuan pen-yertaan mereka akan menentukan pembangunan (kemundoran) ma-sharakat Brunei. Maka nampak-lah penting bagi kita mengetahui belia dan peranan-nya pada masa yang akan datang.

Apa-kah langkah2 yang perlu di-ambil bagi memprodukifkan tenaga muda ini? Soalan2 begini dan soalan2 pokok lain mungkin terlintas dalam fikiran Awang2 dan Dayang2.

Penyertaan mereka ini dalam bidang ekonomi, sosio-politik, ke-budayaan dan kesokanan bergan-tong besar pada kemudahan2 yang dapat di-sediakan oleh Kerajaan. Kemudahan2 ini bukan-lah chara 'hand-out' (chara bersedekah), te-tapi kemudahan2 itu hendak-lah berbentuk 'self-help' ia-itu kemu-dudahan2 yang dapat memberi per-tolongan bagi mereka dalam usaha mereka meningkatkan bidang2 yang mereka tempohi.

Belia dan Pembangunan Masyarakat

BIDANG EKONOMI

Saya menyentoh soal ini dahulu sebab dalam pembangunan ma-sharakat Brunei, perkembangan ekonomi amat-lah penting teruta-ma sekali persaingan hebat di-da-lam ekonomi bebas sekarang. Apa yang perlu sekarang ia-lah pem-bentukan sikap dan menyediakan keahlian, pengalaman dan lain2 yang perlu bagi perdagangan. Ke-bolehan dan pengalaman perda-gangan bukan-lah baru bagi kita; nenek2 kita merantau jauh berda-gang sejak kurun 15 tahun. Tetapi kebo-lehan dan pengalaman tidak di-ubah mengikut kehendak zaman kebolehan ini hampir2 lesap.

LATEHAN

Latehan teori dan praktikal per-lu kita sediakan dalam dua hada-pan (front) dengan serentak. Yang pertama ia-lah latehan di-sekolah2. Sekolah2 hendak-lah mulai seka-rang mengadakan mata2 pelajaran perdagangan yang mengutamakan teori dan praktikal perdagangan. Teori yang saya maksudkan ia-lah sebab2 simpan-kira (book-keeping) di-selenggarakan, maksud bunga, tanah, buroh, modal dan lain2 prinsip ekonomi. Praktikal-nya pu-la ia-lah sekolah2 menyediakan tuck-shop2 yang mana murid2 atau penuntut2 di-bantukan oleh guru2 menyelenggarakan tuck-shop2 dan kanten2 sekolah sa-chara shari-kerjasama. Dengan pendekatan ini kelak dapat-lah anak2 kita seka-rang merasai pahit petir, dan pe-ngalaman berdagang.

Sa-takat ini mata2 pelajaran be-lum dapat di-ajar di-sekolah2 ke-rana ketiadaan guru yang boleh mengajar mata pelajaran ini. Wa-lau pun demikian mengadakan pengajaran matapelajaran ini hendak-lah di-beri keutamaan. Mu-rid2 atau penuntut2 menjalankan tuck-shop dan kanten sekolah mungkin menghadapi kerumitan kerana sistem tender yang perlu di-lakukan bagi menjalankan kan-ten dan tuck-shop kerajaan. Keraja-an seharusnya memandang tajam terhadap pengendalian kanten dan tuck-shop oleh murid2 dan penun-tut2 sekolah.

Latehan pada mereka yang su-dah berhenti sekolah atau terchi-r perlu juga di-ambil perhatian. Latehan mengendalikan shari-kerjasama hendak-lah di-sediakan oleh pihak Kerajaan. Latehan begini sangat2 perlu supaya shari-kerjasama hendak-lah di-sediakan oleh belia sendiri jarang2 panjang umur-nya. Satu pusat dan juga beberapa daya pengajar perlu di-sediakan bagi melaksanakan ran-changan ini.

Sa-lain latehan ini latehan ikti-sas di-peringkat teknologi, maktab dan universiti perlu juga di-uta-makan. Golongan 'teknokrat' sa-ngat2 sedikit di-Brunei sekarang. Pemilihan belia ka-arrah bidang ini sangat sepi sekali. Kemung-kinan perkara ini di-sebabkan ku-rang bimbingan kerjaya dan ku-rang galakan atau dorongan dari pihak sekolah, ibu-bapa atau pe-gawai2 berkenaan. Masyarakat yang membangun perlu golongan

Renchana Belia dan Pembangunan Masyarakat ini ada-lah salah satu kertas kerja yang telah di-bin-changkan dalam Seminar Belia yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei baru2 ini. Kertas kerja itu di-tulis oleh Awang Abdul Razak Mo-hammad, Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu.

'teknokrat' ini ia-itu pengurus, penganalisa pasaran, sebab dengan banyak golongan ini maka ramai-lah tenaga manusia lain boleh di-kerahkan menjadi produktif.

Belia kita juga perlu di-sedar-kan dengan bidang teknologi dan aspek2 perindustrian.

Pengenalan di-peringkat sekolah sangat2 di-perlukan kerana di-peringkat sekolah-lah sikap ingin tahu, ingin membaiki jentera dan ingin mereka alat2 jentera sangat memuncak. Keinginan dan di-tambah pula dengan perangsang dan tunjok-ajar itu perlu-lah di-salurkan supaya menguntungkan belia dan juga negara. Seni per-usahaan atau matapelajaran tu-kang kayu dan logam ada-lah satu langkah dalam merevolusikan men-tal belia2 yang masah dalam seko-lah. Tujuan mengadakan mata-pelajaran2 ini semata2 untuk membentok sikap dan bukan sa-mata2 bertujuan untuk membentok keahlian.

Peringkat latehan yang lebih jauh ia-lah mempelajari aspek2 teknologi ini di-peringkat teknolo-gi, maktab atau di-peringkat uni-versiti, dan ini menelan masa dan wang yang banyak. Golongan ini ini ada-lah golongan yang sukar.

Pendedahan belia ka-arrah bi-dang teknikal ini boleh juga di-lancarkan chara belajar sambil berkerja atau kaedah 'apprentice-ship'. Sa-orang belia yang gemar membaiki enjin kereta umpama-nya boleh-lah di-tempatkan di-beng-kel2 kereta dengan di-bayar bukan gaji tetapi dengan chara elau. Apprenticeship ini boleh menelan 3—5 tahun supaya peringkat ke-mahiran sa-laras dengan taraf2 mereka yang di-iktiraf sa-bagai artisan (pekerja terlatih).

Latehan2 dalam bidang perta-nian, perikanan dan lain2 perlu-lah juga di-kenalkan di-peringkat sekolah dan di-luaskan di-pering-kat industri dan ladang sendiri.

Tujuan2 utama mengadakan pendekatan ini ia-lah:

1. dayausaha.
2. disiplin.
3. gigih dan tahan lasak.
4. bertanggung-jawab.
5. berdikari.

Chiri2 ini perlu dalam bersedia-an masyarakat membangun ka-arrah perindustrian, pertanian dan perikanan moden. Masyarakat yang belum dapat mematohi wa-ktu berkerja, chara2 berkerja dan mobiliti, akan menghadapi kos pengeluaran yang terlalu tinggi ya'ni kurang cekap dan seterusnya tidak sesuai dengan kehendak ekonomi bebas yang mana ke-untungan ada-lah satu petunjuk utama dalam aktiviti2 ekonomi itu.

Sa-takat ini ingin saya memba-bitkan aspek suka memilih peker-jaan. Masyarakat yang tidak ber-disiplin dan tahan lasak lambat akan membangun ka-arrah perindus-trian. Sa-lain dari meniadakan pengimbangan penyertaan di-sek-tor Kerajaan dan sektor swasta, belia2 perlu sedar yang jumlah pekerjaan yang ada sangat2 ter-

had di-sektor Kerajaan. Jawatan kerani, peon, exchange operator dan lain2 di-Jabatan Kerajaan terlalu sedikit. Kerana memilih kerja ini mengakibatkan pengang-goran dan pengangguran tidak ke-tara terdapat di-kalangan belia. Sa-lain dari itu pemilihan pekerjaan juga tidak mengurangkan guna-tenaga dengan sepenoh-nya, sebab kawasan2 yang kekurangan peker-ja dan industri2 yang kekurangan tenaga perlu menggunakan tenaga im-pot. Jadi dengan ini proses pem-bangunan masyarakat terpaksa di-lambatkan.

KESOKANAN

Belia yang banyak ini perlu di-salurkan tenaga berlehan dan ma-sa berlelehan mereka ka-arrah bi-dang yang menguntungkan ma-sharakat. Belia yang giat dalam kesokanan dan permainan yang berpasokan akan melatih mereka supaya patoh pada undang2 per-mainan, dan seterusnya perasaan patoh dan taat setia kepada keba-wah Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda. Perasaan ini-lah perlu di-tanamkan dan di-pupukkan dan di-agongkan.

Sokan2 serta permainan2 mem-bentok2 masyarakat tahan lasak bukan sahaja dari segi fizikal-nya juga dari mentaliti-nya. Sa-orang yang mengambil bahagian benar2 membentokkan kebolehan dan ke-mahuan-nya; dan tidak akan ma-rah jika mereka kalah dalam per-lawanan tersebut.

Sokan2 dan olahraga yang ada pada masa ini masah lagi di-pe-gang oleh pihak persendirian dan amateur. Apa yang perlu seka-rang ia-lah sa-buah badan keraja-an atau separoh kerajaan mengend-alikan pentadbiran, mengendalik-an kewangan dan menyediakan kemudahan2 latehan dan per-lawanan. Sa-takat ini belia2 di-dalam bandar dan berdekatan dengan bandar sahaja dapat me-nikmati kemudahan2 yang ada. Be-lia2 kita di-luar bandar tidak ada bernasib baik, kechual-lah apa-bila sekolah kampung-nya mempun-yai padang dan pemimpin kam-pong tersebut kuat dan berpeng-a-roh.

KESNIAN DAN KEBUDAYAAN

Sa-takat ini seni dan budaya bo-leh-lah di-ambil berat oleh pihak kerajaan walaupun ada langkah2 menuju ka-arrah itu apabila Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Badan Seni dan Budaya.

Seni dan Budaya sa-lain meng-hidupan kebudayaan yang ham-pir2 lesap di-pengaruhi kebudaya-an barat akan membentuk keku-kohan hidup dan kebanggaan ter-hadap kebudayaan bangsa. Memu-pukkan perasaan halus dan chin-takan kepada seni sendiri memet-rikan chinta terhadap negara-nya. Chinta ini satu2 chiri yang pen-ting dalam pembangunan masha-rakat, sebab dengan perasaan bang-a dan perasaan menjadi ahli men-

(Lihat muka 8)

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penjaga

Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kekosongan itu ia-lah bagi Sekolah Menengah Me'ayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong. (1 jawatan lelaki)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyediaan dan pengu-rusan sa-buah asrama termasuk pengalaman memasak makanan Melayu serta berumur di-antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas2:

- Menjaga asrama dan pekerja-nya (Penumpang2, Tukang2 Masak dan Pemberseh2).
- Menjaga, membeli belah dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makan serta makan minum di-asrama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB.5 — \$410x20-510-540x20-660/EB/690 x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb. November, 1973.

Di-Sektor Persendirian

BERIKUT ini ia-lah beberapa kekosongan dalam sektor persendirian di-negeri ini yang di-keluarkan oleh Jabatan Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan yang menghendaki buroh2 atau pekerja2 yang mempunyai kemahiran dan pengalaman. Pemohon2 yang terdiri dari anak2 tempatan yang ingin memohon kerja itu boleh-lah datang ka-Pejabat Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 17hb. Oktober, 1973.

SHARIKAT PEMUNGGAHAN MELAYU/SHARIKAT PERNIA-GAAN MELAYU, No. 2, Jalan Sultan Bandar Seri Begawan.

(i) Mempunyai kekosongan sa-bagai Kerani Jurutaip/Kira Mengira (1 kekosongan).

Pemohon2 mesti-lah sekurang2 berkelulusan Tingkatan IV Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam jurusan ini lebeh kurang dua atau tiga tahun.

(ii) Book Keeper atau Juru Kira (1 kekosongan).

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dan kelulusan persekolah Tingkatan IV/V Inggeris. Pernah menjawat jawatan sa-rupa ini sama ada di-jabatan2 kerajaan atau pun di-sektor2 private antara 3 atau 4 tahun.

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk di-lantek sa-bagai Guru Terlateh (Pensharah Lukisan dan Pertukangan Tangan) di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Diploma atau Sijil Lukisan dan Pertukangan daripada sa-sebuah Maktab atau Instituit Lukisan yang di-iktiraf dan boleh mengajar dalam aliran2 Inggeris dan Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang sa-lain daripada mempunyai kelulusan di-das juga mempunyai pengalaman menjadi pensharah di-sesebuah Maktab Perguruan.

Gaji:

Dalam salah satu daripada sukatan gaji yang berikut:-

- T.7 — \$470x20-510-540x20-660-690-710x30-890.
- T.8 — \$580x20-660-690-710x30-950-1000x30-1060.
- T.9 — \$740x30-950-1000x30-1120-1160x30-1280.

Sukatan gaji serta gaji permulaan yang akan di-beri bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman pemohon yang berjaya itu.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4-5-\$180x5-240 / EB / 245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. November, 1973.

Gaji:

Sukatan gaji bagi kedua2 jawatan ini ada-lah bergantung kepada pengalaman dan kelayakan2.

MAY SUN HAIRDRESSING SALOON, Tingkat Atas No. 2, Hotel Puspas, BSB.

Mempunyai 4 kekosongan sa-bagai Tukang Gunting Rambut (perempuan).

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya mempunyai pengalaman meng-gunting rambut sa-lama 2 hingga 4 tahun sama ada dengan sharikat atau pun bersendirian.

Gaji:

Ada-lah bergantung kepada pengalaman dan kelayakan2.

APOLLO COFFEE HOUSE, Tingkat Atas Bangunan Hotel Puspas, BSB.

Mempunyai 2 (dua) kekosongan sa-bagai Pelayan Restoran.

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris dan Tingkatan III Melayu. Mempunyai kebolehan dan peramah dan berkelakuan baik.

Sanggop bekerja bergilir (8 jam bekerja tiap2 sa-orang). Pakaian seragam akan di-beri.

Gaji:

\$150.00 sa-bulan.

kontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama enam bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-bagai Penolong

Pegawai Balai

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 hingga 26 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
- Lulus Form III atau sa-banding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

Kesihatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sihat den di-kehendaki lulus ujian kekuatan seperti yang di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untuk Kelas Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr. 3 — \$310x5-320x10-340. Sekira-nya sa-seorang chalun yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan-nya akan di-pertingkatkan oleh Suhojanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada Pengawal Pasokan Bomba, Brunei tidak lewat dari 10hb. Oktober, 1973.

Jurutrengkas/Jurutaip di-BSP

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi pemudi2 yang chukup berkebolehan, raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, untuk di-ambil bekerja sa-bagai Jurutrengkas/Jurutaip dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Chalun2 hendak-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya, sebaik2-nya mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan sudah mengambil kursus trengkas dan menaip. Mereka yang telah lulus dalam peperiksaan R.S.A., Menaip dan Trengkas,

Sa-bagai Ahli Bomba

Pelateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan ini hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$200.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Seria dan Bandar Seri Begawan, Brunei seperti yang berikut:-

- Pemohon2 daripada Kuala Belait dan Seria ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Pusat Bomba Seria (Seria Fire Post) pada masa hari bekerja ia-itu hari Khamis 18hb. Oktober, 1973 (satu hari sahaja).
- Pemohon2 daripada Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong dan Temburong ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja sa-lama satu hari ia-itu Sabtu 20hb. Oktober, 1973.

Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 Pelajaran dan Kad2 Pengenal sa-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki seperti di-atas di-minta menghadiri kumpulan pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalun2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan ujian bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan disokong untuk jawatan tersebut.

Peringkat I dan II akan di-utamakan.

Permohonan2 dengan chara bertulis, memberikan butir2 diri dan butir kelayakan serta pengalaman hendak-lah di-alamatkan kepada: Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan), Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, Negeri Brunei.

dan pada sarong surat di-tulis "SULIT — JURUTRENGKAS/JURUTAIP".

Melihat anak bulan Ramadhan untuk menentukan permulaan puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kakitangan2 Pejabat Ukur akan melihat anak bulan Ramadhan petang esok, 27hb. September untuk menentukan awal puasa bagi tahun Hijrah 1393.

Jika anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang esok maka umat Islam di-negeri ini akan memulakan puasa pada hari Jumaat 28hb. September, 1973.

Tetapi, jika anak bulan itu tidak kelihatan pada petang itu, maka permulaan puasa di-negeri ini akan jatuh pada hari Sabtu 29hb. September, 1973.

Pegawai2 itu akan melihat anak bulan tersebut di-tiga tempat, ia-itu di-Bukit Tabor Bintang di-Berakas, Istana Pantai di-Tutong dan Sungai Bera di-Seria.

Radio Brunei akan menyiarkan sama ada anak bulan itu dapat di-lihat atau tidak sa-baik2 saja pengesanan-nya di terima.

Permulaan puasa adalah hari kelepasan awam bagi seluruh negeri.

Sementara itu Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah menetapkan kadar bayaran zakat fitrah berdasarkan harga beras 4 kati 12 tahlil.

Bayaran zakat fitrah bagi Daerah Brunei ia-lah \$1.87½, bagi Muara dan Daerah Tutong ia-lah \$1.90½ manakala bayaran zakat fitrah bagi Daerah Belait dan Temburong ia-lah \$1.93½.

Umat Islam boleh-lah membayar zakat fitrah mereka pada awal permulaan puasa sa-hingga Imam mendirikan semahyang Hari Raya.



Pmk. SUK. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Pertandingan Al-Quran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Menanamkan kesedaran beragama

(Dari Muka 1)

arti bagi memenohi sa-sebuah masyarakat yang hidup dipandang tinggi oleh masyarakat2 lain.

Dengan demikian, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu menegaskan, salah satu yang menjadi tugas di-Jabatan-nya ia-lah menanamkan kesedaran beragama di-kalangan raayat sa-hingga menimbulkan satu masyarakat Islam yang berpegang tegoh kepada ajaran2 Allah.

Ka-araf itu kata-nya, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengiatkan usaha2-nya menyalurkan berbagai aspek pelajaran ugama menerusi sekolah2, kelas2 dewasa dan mass media.

Dalam peraduan itu, Awang Hj. Mashud bin Awang Damit, peserta dari Daerah Brunei/Muara telah berjaya menjadi johan qari manakala johan qari'ah di-sandang oleh Hajjah Dayang Damit binte Mohd. Yusof juga peserta dari Daerah Brunei/Muara.

Tempat kedua bahagian lelaki di-menangi oleh Awang Tahir bin Haji Jaafar (Daerah Tutong) dan pemenang ketiga ia-lah Awang

Morni bin Sanai (Daerah Brunei/Muara).

Dayang Masni bte. Haji Manaf (Daerah Tutong) mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan dan Dayang Taibah binte Kudi (Daerah Belait) memenangi tempat ketiga.

Sa-ramai 10 orang qari dan qari'ah yang mewakili empat daerah telah mengambil bahagian dalam peraduan sa-lama dua malam berturut2 itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut.

Belia dan Pembangunan Masyarakat

(Dari muka 2)

jayakan perubahan dalam masyarakat itu. Satu masyarakat yang tidak dapat menerima apa2 perubahan akan menjadi retak dan seterusnya hancur. Masyarakat orang2 asli Australia dan orang2 India Merah (Red Indian) menjadi masyarakat pinggir kerana masyarakat ini tidak mempunyai chiri2 atau pendekatan yang boleh menggunakan perubahan2 oleh kedatangan pendatang2 barat menjadi faedah masyarakat itu sendiri. Seni dan budaya yang mereka anuti dan praktikkan telah mereka anggap kunu dan tidak sesuai lagi. Apa-lah yang telah terjadi ia-lah mereka kehilangan pegangan hidup dan seterusnya terpengaruh dengan chara hidup orang2 barat. Mereka bergantung pada botol dan perasaan mereka di-kawal oleh mereka.

Jadi seni dan kebudayaan seperti tari, nyanyian, permainan alat2 bunyian, ukiran, tenunan dan lukisan dapat-lah sa-seorang itu menghidupkan sa-mula dan mendalamkan lagi perasaan cinta pada masyarakat-nya.

Apa yang perlu di-amalkan ia-lah membentuk Majlis Seni dan Budaya. Majlis ini dengan bantuan kewangan-nya dapat-lah dengan bebas dan mudah meluaskan pengenalan Kebudayaan Brunei. "Ada2-nya", guling

Penanaman padi melibatkan tanah lebeh luas

(Dari muka 1)

Jabatan Setor dan Perbekalan Negara yang biasa-nya membeli padi dari kaum tani dengan harga 80 sen sa-gantang, mulai sekarang harga itu telah pun di-naikkan menjadi \$1.20 sen sa-gantang.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu seterusnya mengharapkan peranan kaum tani atau kepada mereka yang melibatkan diri terhadap projek penanaman padi tahun ini supaya mengambil kesempatan dan dapat menggunakan perkhidmatan2 dan kemudahan2 yang di-sediakan oleh kerajaan melalui Jabatan Pertanian dengan melibatkan tanah2 yang lebeh luas untuk di-gunakan.

Berhubung dengan perkara itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu berkata, bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah melaksanakan ikhtiar2 bagi mendapatkan lebeh banyak lagi bekalan beras yang mencukupi dan mendapatkan harga2 yang berpatutan dengan harapan Brunei tidak akan kehabisan beras dalam waktu2 yang ditentukan.

Brunei, kata Yang Berhormat itu lagi, sa-bahagian besar-nya mengimpor beras dari luar negeri yang mana ia-nya tertaklok kepada keadaan2 harga pasaran negeri itu, yang ada masa-nya harga2 itu tidak seimbang dengan sara hidup di-negeri ini.

Menyadari perkara itu, maka kerajaan telah membuat peruntukan wang begitu banyak dengan harapan dapat mengurangkan keadaan demikian di-samping memberi galakan kepada raayat, terutama kaum tani untuk berusaha menyahut seruan Kerajaan.

tangan dan lain2 dapat di-hidupkan sa-bagai kebanggaan masyarakat bukan sahaja masyarakat Brunei yang bersatu-padu dan adil.

Kertas kerja ini mengutamakan beberapa faktor penting konsep2 dan prinsip2 yang perlu di-amalkan. Pembangunan masyarakat hendak-lah berupa 'self-help' dan 'action orientated'. Sebab Kerajaan memberi bantuan terhadap dan memang terhad, perkembangan sa-sebuah negara dan masyarakat bukan-lah sa-mata2 terletak ka-atas kebijaksanaan Kerajaan-nya, tetapi peranan dan penyertaan produktif belia-nya.

(Dari muka 5)

chang dalam memperbaiki lagi kedudukan pertanian di-negeri ini.

Yang Berhormat itu juga mengingatkan belia2 tentang kebaikan berchuchok tanam yang memberikan hasil yang lebeh banyak dari pendapatan sebilangan dari pekerja2 yang makan gaji, jika mereka benar2 yakin dan tabah serta rajin berusaha dalam membuka hutan belantara untuk di-jadikan ladang dan sawah yang mempunyai hasil yang tulin.

Majlis bertadurus

MAJLIS bertadurus akan di-adakan di-Surau Istana Darul Hana pada bulan puasa akan datang dan di-rumah2 kediaman rasmi seperti yang di-sebutkan di-bawah ini.

Di-Surau Istana Darul Hana majlis tersebut akan di-adakan seperti biasa.

Di-Rumah Jerembak (Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abd. Momin), tarikh memulakan majlis tersebut akan di-umumkan kemudian.

Y.T.M. Seri Paduka Pengiran Bendahara dan Y.T.M. Seri Paduka Pengiran Di-Gadong, majlis di-mulakan pada malam pertama per-

mulaan puasa.

Y.T.M. Seri Paduka Pengiran Pemancha mulai pada malam kedua puasa.

Y.T.M. Seri Paduka Pengiran Temenggong mulai 30hb. September.

Di-Rumah Semaun (Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz) mulai malam pertama permulaan puasa.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, mulai 29hb. September dan Kadhi Besar mulai 30hb. September.

Orang ramai ada-lah di-persilakan menghadhiri majlis bertadurus itu.